

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : ISNIN, 14 MAC 2016

RUJUKAN : L4 [PR-1341-L73310]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan mengenai status terkini bazaria Danau Kota kerana terdapat kawasan pembinaan di tempat tersebut yang tidak sesuai untuk dikunjungi orang awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, terdapat pembinaan perumahan di kawasan Bazaria Larut Malam Danau Kota di mana DBKL telah mengeluarkan notis pemindahan kepada penjaja. Oleh itu, DBKL telah mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pemindahan sementara gerai-gerai di hadapan Shell, Jalan 1A/6 dan di Jalan 1/2E dan boleh dikunjungi oleh orang awam. Pihak DBKL telah mengadakan *engagement* dengan pihak penjaja untuk berpindah ke tapak sementara sebelum berpindah ke tapak kekal di Jalan Genting Klang yang masih di peringkat perancangan.

Engagement dengan Persatuan Penjaja dan pihak kontraktor berkaitan pelaksanaan tapak perniagaan di Bazaria Larut Malam Danau Kota telah diadakan pada 4 Februari 2016. Hasil *engagement* tersebut, pihak persatuan bersetuju untuk berpindah sekiranya terdapat tapak gantian untuk penjaja-penjaja terlibat.

Sebanyak 161 penjaja terlibat di tapak projek pembinaan iaitu:

- i) 95 penjaja terlibat di bersebelahan pagar projek dan mereka terlibat dengan pemindahan; dan
- ii) 56 penjaja terlibat di hadapan tapak projek (20 kaki daripada tapak projek) dan mereka tidak terlibat dengan pemindahan